

# **SYED AHMAD DIMASYHUR CANSELOR PERTAMA KUTKM**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 28/08/2003 | Author: / NO RON**

MELAKA, 28 Ogos (Bernama) -- Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin dimasyhurkan sebagai Canselor pertama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) hari ini.

Pemasyhuran itu dibuat pada Konvokesyen Komemoratif KUTKM di Dewan Seri Negeri di sini.

Pada majlis itu Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohamed Ali Rustam turut diumumkan antara tiga penerima ijazah kehormat.

Mohamed Ali dianugerahkan ijazah kehormat pengurusan (pembangunan belia) dan Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus menerima ijazah kehormat sains.

Prof Dr Ashraf Jawaid, 51, yang berasal dari Rawalpindi, Pakistan dan kini Dekan Fakulti Kejuruteraan di Universiti of Coventry, United Kingdom pula menerima ijazah kehormat kejuruteraan.

Syed Ahmad dalam ucapan selepas majlis pemasyhuran itu berkata pengetahuan dan kemahiran daripada para graduan KUTKM diharap akan dapat menjana penemuan dan teknologi terbaru yang akan mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing.

Beliau meminta Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula penggunaan nama kolej pada KUTKM digugurkan dan digantikan dengan universiti bagi memberi persepsi yang lebih positif kepada KUTKM dan lain-lain kolej universiti.

"Ini juga akan membolehkan KUTKM bergerak dengan lebih jauh di masa-masa akan datang dengan memperkembangkan bidang-bidang yang ditawarkannya," katanya.

KUTKM yang ditubuhkan pada 1 Dis 2000 kini mempunyai hampir 2,900 pelajar yang mengikuti lima program diploma dan 17 program ijazah di kampus sementara di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

-- BERNAMA

NO RON